



KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

e-Keratan Akhbar Harian

Tarikh : 22 April 2016

Rujukan: KKLW.UKK.600-11 (654)

**Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah**



MARA tawar 1,000 tempat sertai SPC

» *Pemilihan ketat, utama pelajar luar bandar*

Faiza Zainudin

faiza@bh.com.my

► Tokyo



MARA menawarkan lebih 1,000 tempat kepada pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia 2015 menyertai Skim Pelajar Cemerlang (SPC) bagi mengikuti program ijazah di luar negara, tahun ini.

Pengerusinya, Tan Sri Annuar Musa, berkata pemilihan kali ini lebih ketat dengan keutamaan diberi kepada pelajar luar bandar dan daripada golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40).

Sedia dana RM2b

Beliau berkata, pihaknya memperuntukkan dana RM2 bilion bagi membiayai pengajian mereka dengan tempat negara tajaan, bergantung kepada yuran dan kos.

"Jumlah peruntukan dari segi bajet tidak berubah, cuma pengambilan bergantung kepada negara mana yang akan kita hantar.

"Jika belajar di England sekarang, nilai tukaran mata wang agak tinggi, maka kali ini kita akan kurangkan bilangan dan hantar ke negara yang kosnya lebih rendah, se-

lain mengadakan program kerjasama antara universiti tempatan dan asing.

"Ia dapat menjimatkan perbelanjaan kerana kita membayar yuran berdasarkan harga di Malaysia dan usaha ini diharap dapat membantu menghantar lebih ramai pelajar cemerlang ke luar negara," katanya kepada *BH*, baru-baru ini.

Tak jamin tajaan universiti luar negara

Annuar yang juga Pengerusi Yayasan Pelajaran MARA, turut mengingatkan pelajar cemerlang yang membuat perediaan ke luar negara tidak dijamin tajaan belajar di universiti seberang laut.

Beliau berkata, MARA hanya menghantar pelajar yang mendapat tempat dalam kalangan 50 universiti terbaik dunia, sama ada disenaraikan oleh QS Universiti Ranking atau Penarafan Universiti Dunia (World's University Ranking).

Selain itu, katanya, mereka perlu mengikuti kursus yang ditentukan pihak MARA.

"Bila mereka dipilih membuat persediaan seperti A-Levels, tidak bermakna mereka belajar di luar negara. Mereka mesti lulus cemerlang dan mendapat tempat di 50 universiti terbaik dunia.

"Jika tidak mendapat tempat, kita galakkan mereka belajar dalam negara.

"Program belajar ke luar negara adalah insentif kepada pelajar yang betul-betul cemerlang.

"Syarat ini sudah dimaklumkan kepada pelajar dan pelaksanaan wajib bermula tahun ini," katanya.



Orang Asli suku Semelai mohon pihak berwajib bantu pertahan hak mereka **'Jangan ceroboh tanah adat kami'**

Oleh IKHWAN IDERIS

BERA – Lebih 100 Orang Asli suku Semelai dari Kampung Lubuk Perah dekat sini merayu pihak berwajib untuk membantu mereka mempertahankan tanah adat yang diwarisi turun-temurun daripada diceroboh pihak tidak bertanggungjawab.

Tok Batin Lubuk Perah, Hajemi Din berkata, kemelut itu bermula pada tahun 2013 apabila mereka mengetahui sebahagian besar tanah adat yang didiami akan diserahkan kepada pihak luar.

"Susulan itu, perbincangan mengenainya telah dibuat bersama Jabatan Kemajuan Orang Asli serta Pejabat Tanah dan Daerah Bera bagi membantah perkara tersebut.

"Pun begitu, kami dimaklumkan bahawa kawasan tanah seluas 361 hektar itu telah diberikan kepada sebuah syarikat tempatan untuk dibangunkan," katanya yang turut memberitahu, beberapa siri pertemuan dengan pihak berkuasa termasuk dengan Menteri Besar Pahang,



HAJEMI

Datuk Seri Adnan Yaakob turut dilakukan pada tahun 2014 dan 2015.

Malangnya, ujar Hajemi, tiada sebarang tindakan berkesan diambil sehinggalah pada 23 Februari lalu, pihak pemaju telah masuk ke kawasan tanah adat Kampung Lubuk Perah dan memusnahkan tanaman getah, kelapa sawit termasuk beberapa kubur lama.

Difahamkan, tanah itu akan dibangunkan untuk membina jalan dan rumah kongsi.

Marah dengan keadaan itu, beliau mengakui, penduduk telah membuat sekatan jalan selama 24 jam setiap hari bagi menghalang jentera berat masuk.

"Pihak pemaju kemudian telah merempuh dan memusnahkan sekatan jalan yang kami bina pada 8 Mac lalu termasuk memanggil pihak berkuasa bagi melancarkan kerja-kerja mereka," ujarnya.

Sementara itu, seorang penduduk Kampung Lubuk Perah, Faizal Che Wek, 31, berkata, dia sedih melihat tanaman getahnya dimusnahkan.



BEBERAPA Orang Asli suku Semelai, Kampung Lubuk Perah, Bera berdiri di hadapan laluan utama kampung memohon agar pihak berwajib membantu menyelamatkan tanah adat mereka.

"Bagi saya, tindakan mereka ini telah membunuh jati diri kami Orang Asli. Banyak tanah lain di negeri ini, mengapa tanah kami yang mahu dirampas?" soalnya.

Seorang lagi penduduk, Osman Lim Kong King, 35, pula melahirkan rasa kecewa kerana bantahan penduduk setahun lamanya sebelum geran tanah diluluskan,

langsung tidak dihiraukan.

"Kami berhak bersuara serta mempertahankan cara hidup kami yang diperturunkan daripada nenek moyang. Orang Asli Semelai mempunyai hak kepada tanah adat yang dimiliki secara turun-temurun seperti mana diputuskan mahkamah dalam beberapa kes sebelum ini," katanya.